

KEMAHIRAN GURU DAN AMALAN PELAJAR MEMPRAKTIKKAN KEMAHIRAN MENGGUNAKAN ALATAN TANGAN YANG DIPELAJARI DI SEKOLAH DALAM KEHIDUPAN HARIAN

Azizi Yahaya & Chu Siew Pang
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Kemahiran guru dan amalan pelajar mengaplikasikan kemahiran menggunakan alatan tangan yang dipelajari di sekolah dalam kehidupan harian adalah satu keadaan yang boleh membantu pelajar dalam memahami pembelajaran. Ia juga dapat membantu pelajar untuk menambah ilmu pengetahuan dan mengendalikan alatan tangan dengan baik.

Katakunci : kemahiran guru, alatan tangan, kehidupan harian.

Pengenalan

Untuk memastikan keberkesanan pelajar dalam menggunakan alatan tangan baik di sekolah dan di rumah, guru yang berkemahiran adalah amat diperlukan. Apabila guru tidak mahir dalam melaksanakan pengajaran contohnya tidak mahir dalam penggunaan alatan tangan maka timbulah masalah-masalah seperti objektif pengajaran tidak tercapai dan akan mempengaruhi keupayaan pelajar mempraktikkan kemahiran dalam menggunakan alatan tangan yang dipelajari di sekolah dalam kehidupan harian.

Keperluan asas terhadap tahap kemahiran seorang guru dalam menggunakan alatan tangan boleh dilihat dari segi dua aspek seperti berikut:-

1. Menambah Ilmu Pengetahuan

Guru Kemahiran Hidup harus sentiasa bersikap positif dan sentiasa mengorak langkah untuk menambahkan ilmu pengetahuan yang baru pada setiap masa. Pada masa yang sama, pengetahuan yang telah dikuasai sebelum itu juga jangan lupakan.

Dalam aspek menambah ilmu pengetahuan, guru memainkan peranan yang penting. Guru harus sentiasa berdikari untuk meluaskan pengetahuan dengan melalui pembacaan yang berkaitan dengan bidang dan subjek pengajarannya. Dengan itu, segala pengetahuan dan juga kemahiran yang dimiliki oleh guru dalam proses pembelajaran itu dapat ditunjukkan terus dengan penuh keyakinan tanpa berasa ragu-ragu kepada pelajar dalam kerja amali mata pelajaran Kemahiran Hidup aspek menggunakan alatan tangan.

2. Mengendali Dan Menggunakan Alatan Tangan

Menurut Ridley (1986), untuk mencapai mutu kerja yang tinggi, pengetahuan hendaklah disertai dengan tahap kemahiran yang baik. Dengan itu, dalam satu kelas amali aspek penggunaan alatan tangan, guru yang dipertanggungjawab untuk mengajar harus tahu dan mahir dalam menggunakan alatan tangan tersebut. Di samping itu, guru juga harus mengetahui cara mengendalikan setiap jenis alatan tangan yang sudah bermasalah.

Dari segi kemahiran pelajar pula dalam aspek penggunaan alatan tangan, ia boleh ditinjau sepanjang penggunaan alatan tangan, sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran atau selepas proses pengajaran dan pembelajaran.

Pendapat Bloom (1989), yang menyatakan pengetahuan berasal daripada pengalaman, pemerhatian yang diterima secara terus atau melalui pembacaan dan diberitahu oleh seorang lain merupakan cebisan maklumat dan menjadi sebahagian daripada struktur pengetahuan dan mental seseorang. Selepas kelas kerja amali, lazimnya pelajar dapat mempraktikkan sedikit sebanyak pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh semasa kelas amali dalam kehidupan sehari-harian. Contohnya, pelajar boleh menggunakan gergaji untuk menggergaji papan, menggunakan pita pengukur untuk mengukur dan menggunakan tukul kuku kambing untuk memaku. Di sini menjelaskan kepada kita bahawa pelajar-pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan dan latihan teknikal dalam kerja amali di dalam kehidupan sehari-harian. Ini disokong oleh Ad. Rooijackers (1980), yang menyatakan bahawa kalau murid harus menerapkan hal yang telah diajarkan, maka pekerjaan itu lebih tinggi sedikit daripada pekerjaan yang mereka lakukan pada tahap kedua. Menurutnya lagi, pada taraf ini pengajar menuntut murid melakukan sesuatu berdasarkan pengertian yang telah diajarkan. Mereka harus dapat merumuskannya sendiri.

Dengan itu, selepas sesi pengajaran guru dalam kelas amali, pelajar-pelajar boleh berkeyakinan tinggi sepanjang mereka mempraktikkan kerja amali baik semasa kelas amali di sekolah atau di rumah.

Rujukan

Ridley J.(1986). “ Safety At Work .” London : Newness Butterworth & Company Publisher.
Bloom. Bs. (1989). “Taksonomi Objektif Pendidikan .” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.